

# HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

## SITI ASIAH BERIMAN KEPADA MUSA

Sebagaimana yang tersebut dalam keluaran Qalam bilangan 18 keadaan gelap gelita di dalam rumah Firaun itu telah mendapat sinaran suatu cahaya dengan adanya Musa di situ. Ketibaan Musa di sana adalah sebagai suatu nur yang memberi suatu cahaya untuk menerangkan kegelapan-kegelapan kerajaan Firaun yang telah mengaku dirinya menjadi Tuhan dan melakukan perbuatan-perbuatan yang buas terhadap mereka yang tidak mahu beriman kepadanya. Nur yang didatangkan Allah itu dengan perlahan-lahan memancar dari semasa ke semasa semakin terang walaupun Firaun telah berdaya upaya memadamkannya tetapi nur itu terus bercahaya-cahaya bukannya sahaja di dalam rumah tangga Firaun tetapi telah menjadi suluh kepada kampung dan bandar di dalam kerajaan Firaun itu.

(oleh Ummu Muhsin)

Demikian itulah keadaannya Musa di rumah Firaun semenjak ia dipungut menjadi anak oleh Siti Asiah Firaun telah mencuba hendak membunuhnya tetapi kehendak Firaun itu telah dapat digalang oleh Siti Asiah dan dengan demikian maka terlepaslah Musa daripada perbuatan Firaun itu dan dengan begitu besarlah ia dalam asuhan dan kawalan ibu angkatnya yang baik budi dan kasih sayang kepadanya. Kemudian Musa telah dewasa dan menerima wahyu daripada Tuhan Rab Al-'Alamin yang menyatakan bahawa ia telah dilantik menjadi utusan kepada Firaun yang zalim itu dan kepada Bani Israel.

Semenjak ia telah menjadi utusan Allah dengan tidak jelak-jelaknya ia menyeru dan mengajak bapa angkatnya Firaun, kepada agama yang baharu diterimanya itu. Firaun yang memandang dirinya Tuhan itu terus sahaja menolak ajakan daripada anak angkatnya itu dan mendatangkan beberapa pertanyaan dan permintaan yang bukan-bukan kepada Musa – tetapi semuanya dijawab dan dikabulkan dan Nabi Musa memberikan beberapa bukti yang menyatakan atas kenabiaannya.

Setelah Firaun lemah daripada segala daya upayanya maka iapun mengumpulkan tukang-tukang sihirnya disuruhnya bertanding

dan mengadu kepandaian kepada Musa. Kerana Musa kerapkali menunjukkan barang yang ganjil dan luar biasa dan di luar daripada kudrat dan kekuasaan manusia. Permintaan Firaun itu tidak ditolak oleh Musa demikian juga tukang-tukang sihir itu menerima permintaan Firaun kerana mereka menyangka bahawa Musa itupun pandai sihir juga seperti mereka yang pendapatan mereka tentu mereka boleh mengalahkannya. Ahli-ahli sihir yang dijadikan lawannya itu memang telah dipilih oleh Firaun sehandal-handal ahli sihir.

Tetapi setelah dadu maka bertemu lah buku dengan ruas – kedua-dua belah pihak menunjukkan kepandaianya dan akhirnya mengetahuilah tukang-tukang sihir itu bahawa yang ditunjukkan oleh Musa bukannya kepandaian sihir tetapi di luar daripada itu. Mereka lemah berhadapan dengan Musa kerana Musa menunjukkan mukjizat daripada Tuhan yang tak dapat manusia membuatnya walau sehandal-handal manusia selain daripada Nabi-nabi Allah.

Akhirnya mereka mengaku kalah dan dalam hati mereka teras kebenaran yang dibawa dan diseru oleh Musa. Permulaannya mereka yang mengimankan yang demikian di hati sahaja – tak berani berterus-terang takut menerima kezaliman

Firaun tetapi setelah teguh iman mereka dan dapat ugutan pula daripada Firaun maka mereka pun nekad lalu berkata kepada Firaun dengan berterus terang sekalipun mereka akan diseksa atau dibunuh namun percayanya kepada Musa dan Tuhan itu tidak berganjak.

Perlawanannya di antaranya dengan Musa yang dahulu itu adalah menjadi perhatian kepada Siti Asiah. Setelah nyata kebenaran Nabi Musa dan keteguhan iman tukang-tukang sihir itu maka iapun lalu menyerahkan dirinya mengikut agama Musa daripada masa itulah ia beriman kepada Tuhan dan percaya kepada apa-apa yang disampaikannya, tulus ikhlas di dalam imannya dan berani pula berterus terang.

Di dalam lain riwayat pula ada tersebut bahawa apabila berita perlawanannya sampai ke istana Firaun maka Siti Asiah bertanya maka siapa yang menang di antara keduanya dan tatkala didengar Musa menang maka iapun terus beriman kepada Tuhan Musa dan Harun dan menolak ketuhanan Firaun.

Berita keislaman Asiah itu akhirnya sampai ke telinga Firaun dan dengan kerana itu maka dengan serta merta bertukarlah kasih sayang dan cintanya kepada Asiah kepada kebencian dan dendam. Semuanya itu tidak dipedulikan oleh Asiah kerana ia yakin bahawa dirinya dalam benar - takkanlah Allah akan membiarkan dia dalam anaya Firaun. Dengan sebab itu ia tidak sedikit pun gentar walau ia diseksa dan dibunuh.

Suatu pengajaran dapat ditarik dalam riwayat Siti Asiah ini iaitu tentang keberanian memilih yang hak dan benar sekalipun ia bertentang dengan manusia yang zalim.

Sifat berani kerana benar itu sukar didapat mahal dicari dan memang hampir tidak tersua di dalam hati kebanyakan perempuan yang kebiasaannya suka menurutkan kehendak suaminya. Kalau suaminya baik ia menjadi baik. Kalau suaminya jahat iapun suka mengikutnya.

Pernah kejadian seorang perempuan yang dahulunya bersuamikan seorang lelaki yang salih, ahli ibadat dan

berbudi baik maka iapun berkelakuan demikian itu juga tetapi setelah suaminya meninggal maka iapun kahwin pula dengan seorang lelaki yang tidak beragama, ahli judi dan jahat perangai maka perempuan yang dahulunya menjadi orang salih itu telah bertukar menjadi orang yang tidak beribadat kepada Tuhan dan tukang judi yang handal dan berperangai dengan perangai yang sedap didengar telinga - banyak lagi perkara-perkara seperti ini yang menunjukkan bahawa keadaan kaum ibu itu seperti pucuk ru ke mana angin bertiup ke situ ia mengikut dan kebanyakannya daripada kita adalah lemah imannya dan mudah tertipu dengan pujuhan lelaki yang keadaannya seperti kumbang jantan suka memperdayakan mereka itu.

Keadaan yang demikian itu tidak ada kepada Asiah. Ia berdiri menegakkan dasar kebenarannya. Ia tak gentar dan takut untuk menegakkan kebenaran itu. Walaupun maut menjadi tentangannya. Asiah telah mempercayai dan beriman kepada Musa dengan seteguh-teguhnya dengan menerangkan yang demikian itu dengan berterang-terang kepada suaminya serta tidak redha terletak di dalam tangan seorang suami yang sebegini zalim maka dengan yang demikian sudah tentu padahnya ialah seksa. Firaun telah bingung dan geram kerana ia mengetahui bahawa sekarang bukan orang yang di luar yang ditentangnya tetapi sekarang di dalam rumahnya sendiri, yang lebih dekat dan berhampiran dengannya telah menerima sinaran nur yang ditakuti dan tidak dapat dipadamkannya itu. Jika sudah di dalam rumah sendiri terjadi demikian itu apa pula di luar rumah sudah tentu lebih payah mengawalnya.

Orang di luar sudah tentu tidak mempercayainya lagi sebagai Tuhan dan dengan sebab itu iapun tak dapat lagi menahan hatinya dan menahan geramnya kepada perbuatan-perbuatan isterinya sendiri lalu ia mengambil keputusan jika isterinya tetap berkeyakinan dan mempunyai kepercayaan yang tidak taat itu mestilah diseksa sehingga mati. Apa seksa Firaun atas Siti Asiah insya-Allah saya akan terangkan pada masa yang akan datang.